

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

BULETIN ICAN UiTM NEGERI SEMBILAN
BULETIN RASMI, BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN
INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)
EDISI NOVEMBER 2022

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan
Pekan Parit Tinggi, 72000
Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Tel : 606-4832100
Faks : 606-4832449

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN: Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

@2022 Hakcipta PJIM&A UiTMCNS
@2022 Reka Bentuk PJIM&A UiTMCNS
Hakcipta Terpelihara

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)

eISSN : 2811-3802
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan sekali setahun
@2022 Hakcipta Terpelihara

SIDANG REDAKSI

**PENAUNG
PROF. DR YAMIN YASIN**

**PENASIHAT
DR. SITI SARA IBRAHIM**

**KETUA EDITOR
ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF**

**KETUA JAWATANKUASA EDITOR
NIK MAHFUZAH NIK MAT**

**JAWATANKUASA EDITOR
DR. ZHRIL SHAHIDA AHMAD
AHMAD HUSAINI MOHAMED
DR. ASIAH ABDULLAH
AMIRAH HJ. ABU HASSAN**

**KETUA GRAFIK & SUSUN ATUR
FATIN ALIYAH HASSAN**

**JAWATANKUASA GRAFIK & SUSUN ATUR
MOHD FAISAL MD. NOOR
NADYA HAJAR
SITI NUR FADZILAH ABDULLAH**

PRAKATA REKTOR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Tuhan Pencipta Alam kerana dengan izin-Nya Unit ICAN, PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) akhirnya dapat menghasilkan sebuah dokumen berinformasi dalam bentuk buletin.

Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat dalam menerbitkan BULETIN ICAN ini secara berkala. Penerbitan Buletin ini dapat memberi publisiti terhadap semua aktiviti yang melibatkan warga UiTMCNS. Pada masa yang sama dapat menyerlahkan lagi idea, pencapaian, kreativiti, dedikasi dan kerjasama yang sangat baik bersama industri, komuniti dan alumni.

Diharapkan Buletin ini, dapat menjadi platform untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran kepada warga UiTMCNS dan komuniti luar. Semoga usaha murni ini juga, menjadi salah satu wadah bernilai dan meningkatkan imej UiTMCNS dalam memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

PROF. DR YAMIN YASIN
REKTOR
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KATA ALU-ALUAN TIMBALAN REKTOR

PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)

Assalamualaikum w.b.t

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan edisi ke-2 berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi di bawah Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan diatas komitmen dalam penerbitan tahun 2022 ini. Seperti semua maklum, ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah banyak membantu Universiti dalam memenuhi sasaran KPI kampus melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan samada secara fizikal mahupun "online" bersama pihak industri, masyarakat dan alumni. Ianya juga menyokong kepada objektif ICAN sendiri dalam membina hubungan yang baik bersama pihak berkepentingan untuk manfaat seluruh warga Universiti mahupun masyarakat setempat.

Oleh yang demikian, penerbitan Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan dilihat sebagai usaha yang baik dalam strategi visibiliti kampus, mahupun Universiti kearah GRU 2025 melalui hebahan aktiviti-aktiviti bersama warga, masyarakat, industri dan alumni sepanjang tahun 2022 ini. Karya yang dicoretkan didalam buletin ini juga mampu memberikan nilai tambah kepada pembaca-pembacanya melalui garapan daripada warga pendidik, pelajar dan juga alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan sendiri. Semoga dengan penerbitan buletin ini juga dapat menyumbang kepada idea-idea dan juga semangat dalam menyemarakkan lagi aktiviti-aktiviti warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama-sama pihak industri, masyarakat dan juga alumni.

Sekali lagi Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Koordinator Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Puan Asmahanim Haji Mohamad Yusuf serta ahli jawatankuasa dan sidang redaksi Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan atas kejayaan menerbitkan buletin ICAN bagi tahun 2022. Semoga usaha murni ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

DR. SITI SARA IBRAHIM
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI,
MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)



DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum w.b.t ,

Alhamdulillah dengan izin-Nya, dapat sekali lagi kita saksikan sebuah penerbitan yang menjadi kebanggaan warga Unit ICAN UiTMCNS iaitu Buletin ICAN UiTMCNS. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada Team Sidang Redaksi 2022 atas berkat usaha dan perkhidmatan yang tidak mengenal erti jemu dan penat dalam menyiapkan wadah yang cukup bermakna bagi seluruh warga UiTMCNS. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada penulis-penulis yang bertungkus lumus menyiapkan penulisan yang berkualiti untuk diterbitkan di dalam Buletin ICAN UiTMCNS tahun 2022 ini. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

Buletin ICAN UiTMCNS ini turut menjadi medium bagi warga UiTMCNS berkongsi segala pelaporan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bagi tahun 2022 untuk dijadikan kenang-kenangan. Penghasilan Buletin ICAN UiTMCNS 2022 ini bukan sahaja merekod pelaporan aktiviti sepanjang 2022 bahkan merakamkan kecemerlangan UiTMCNS dalam pelbagai sudut.

Sebagai ketua editor Buletin ICAN UiTMCNS, saya mewakili Team Sidang Redaksi 2022 ingin memohon maaf jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penghasilan Buletin ini. Sesungguhnya, kami telah memerah kudrat agar Buletin ICAN UiTMCNS 2022 akan tetap tersemat di hati warga UiTMCNS. Semoga dengan penghasilan majalah ini, semua kenangan dan memori sepanjang pelaksanaan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bersama UiTMCNS dapat di potretkan untuk tatapan masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

“ICAN: MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI”

KETUA PENGARANG
ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF



ISI KANDUNGAN

Pengenalan Unit ICAN UiTMCNS	i
LAWATAN KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN SUHAILA SHARIL & ROHAIDA AWANG NIK	1-2
MAHASISWA UITM NEGERI SEMBILAN SUMBANG TENAGA BANTU MANGSA BANJIR MOHD ZULHILMI BIN MOHD YUNUS	3
PROGRAM KASIH RAMADHAN FSKM 2022 JAMILAH OTHMAN, ROSNANI ABDULLAH, NURALINA AZLAN	4-5
LAWATAN KHIDMAT MASYARAKAT DAN PERUNDINGAN KE MADRASAH AZ ZAKIRIN, CHENCKAU, REMBAU, NEGERI SEMBILAN AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI, NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN, NORHIDAYU BINTI MD YATIM, SITI KHAIRIYAH BINTI NOORDIN	6-7
CSR RAMADHAN PPKAS PRIHATIN – MASYARAKAT DISANTUNI MAZNI MUSA, AHMAD HUSAINI MOHAMED, SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD. GHAZALI, JAMIL MOHAMED SAPARI, NUR RAHIMAH SAID	8-9
JABATAN FIZIK & SAINS BAHAN SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG SERI PILAH SITI NAFISAH MD RASHID DAN ALLINA NADZRI	10-11
PROGRAM PERKAMPUNGAN ILMU SMK SENAWANG RODHIAH BINTI AMZAH, NIK MAHFUZAH BINTI NIK MAT, SITI NUR AISYAH BINTI JUHARI & NUR FARAHIN NADIA BINTI ASNOR	12-14
ART & CRAFT FOR KIDS BERSAMA MURID SEKOLAH KEBANGSAAN PILIN SUTINA JUNOS & AHMAD SOUFIEAN OTHMAN	15-16
'COLLEGE SWEET COLLEGE' PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN KOLEJ UITM KAMPUS REMBAU SUTINA JUNOS, AHMAD SOUFIEAN OTHMAN, MASITAH AHMAD, NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI & SITI' AISHATUL-HUMAIRAH MUHAMMAD FISOL	17
PROGRAM WE CARE WE SHARE ALIA NADIRA ROSLE	18-19
PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT – TAUTAN KASIH UITM DAN KOMUNITI AHMAD HUSAINI MOHAMED, MAZNI MUSA, SITI SYAIDA SIRAT, JAMIL MOHAMED SAPARI	20-21
LARIAN MAYA 5KM BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS MASSCOMM UITM FARAH HAZWEEN AMANAH, NURLIYANA KAMILAH KHAIRUL ANUAR, MUHAMMAD AZRIL IZUAN RAMLAN	22
TEKNIK BACAAN PANTAS DAN PERKONGSIAN ALUMNI FADDLIZA MOHD ZAKI, JASHIRA JAMIN, NURHIDAYAH NASHARUDIN, AHMAD AZMAN MOHAMAD RAMLI, SERI INTAN IDAYU SHAHRUL ASARI	23-24

ISI KANDUNGAN


A NATIONAL E-SPORT DAY OF UITM 2022 NUR LINA ABDULLAH, ZATI AQOMAR ZAHARUDIN, NOR AISHAH MD NOH, ABDULLAH YAHYA DAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE	25-27
ALUMNI HOMECOMING HI-TEA 2022 ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF, SITI NUR FADZILAH ABDULLAH & NOR ASHIKIN SAHROM	28-29
ALUMNI TALK SHOW: KERJAYA & KENANGAN NUR LINA ABDULLAH, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, ASIAH ABDULLAH DAN NURUL AINI ABDUL WAHAB	30-32
WEBINAR 'HERO TO CEO' FADDLIZA MOHD ZAKI, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA, AMIRAH HAJI ABU HASSAN, MOHD FAISAL MD. NOOR	33-34
WEBINAR TAKLIMAT MY STARFISH FOUNDATION ZHRIL SHAHIDA AHMAD & AMIRAH HAJI ABU HASSAN	35-36
KERJASAMA AKADEMIK DAN INDUSTRI PERUSAHAAN MI KUNING NURUUL HIDAYAH MANSOR, NURUL AZLIN TOKIMAN, NADYA HAJAR, BOON YIH TIEN DAN NAEMAA MOHAMAD	37
SEMINAR ERMS DGFLO MOHD FAIZAL BIN MOHD RAMSI & SITI KHAIRIYAH NORDIN	38-39
JARINGAN ANTARABANGSA SECARA MAYA UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA KE ARAH MELAHIRKAN GRADUAN YANG DINAMIK ASIAH ABDULLAH, NOR AKMALAZURA JANI, WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID, MAZNI MUSA	40-41
SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFEKTIF NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI, SYAZLIANA KASIM, SUTINA JUNOS	42-44
INFOGRAFIK SEMUA AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH KELAB COMPUTING SOCIETY 21/22 (COMSOC) ROSNANI BINTI ABDULLAH, ABDUL QADIR BIN ABDUL ARIFF, NUR AMIRA AQASYAH BINTI ROSMIZAN DAN NUR HAZIRAH BINTI MOHD ESA	45-46
PROGRAM "YOUR CAREER PATH BEGINS HERE!" MEMACU KEBOLEHPASARAN GRADUAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE, NOOREZATTY MOHD YUSOP, NURALINA AZLAN, NOR AKMAL MD NOH	47-48
MAKLUMAN AWAL VSSPT 3.0 SESI 2022/2023 DR WAN ZUMUSNI HJ WAN MUSTAPHA, DR TINY AZLEEN YAHAYA DAN DATIN DR ROMAIZAH ABDUL KADIR	49-51
PROGRAM "PREPARING YOUR BATTLE: GUIDE ON INTERVIEW" MELAHIRKAN GRADUAN PILIHAN MAJIKAN JAIDA NAJIHAH JAMIDIN, NOOR AISYAH IDRIS, SITI SARAH JANURI, ZAITUL ANNA MELISA MD YASIN, SITI AISHAH MOHD SHAFIE	52-54

PENGENALAN UNIT ICAN UiTMCNS

ICAN (Industry, Community, Alumni Network) merupakan salah sebuah unit yang beroperasi di bawah Bahagian Penyelidikan, Masyarakat, Jaringan Industri & Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS). Unit ini diketuai oleh seorang koordinator yang dibantu oleh tiga (3) orang penyelaras bagi menjalankan fungsi-fungsi unit ICAN di kampus Kuala Pilah, kampus Seremban dan kampus Rembau.

Unit ICAN bertanggung jawab menghubungkan jaringan, usahasama serta perkongsian antara pihak UiTMCNS bersama pihak berkepentingan luar yang melibatkan Industri, Komuniti dan Alumni. Bagi melancarkan gerak kerja tersebut, empat (4) bahagian utama telah diwujudkan di dalam unit ini iaitu Community Network Centre (CNC) Industry Network Centre (INC), Alumni Network Centre (ANC) dan Graduate Employability (GE).

CARTA ORGANISASI ICAN UITMCNS 2022



LARIAN MAYA 5KM BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS MASSCOMM UITM

FARAH HAZWEEN AMANAH, NURLIYANA KAMILAH KHAIRUL ANUAR,
& MUHAMMAD AZRIL IZUAN RAMLAN

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) atau lebih dikenali sebagai MassComm adalah sebuah institusi berprestij dalam melahirkan graduan yang memenuhi pasaran dan profesion pekerjaan. FKPM menjadi kebanggaan UiTM dimana MassComm sendiri sudah tidak asing lagi bagi warga media di Malaysia. Media & Communication Students Club (MCSC) dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah menganjurkan satu acara larian maya 'MassComm Golden Jubilee 5KM Virtual Run', bersempena sambutan FKPM ke-50 tahun bagi menyemarakkan semangat MassComm dikalangan pelajar dan alumni Masscom. Larian ini telah mendapat sambutan lebih daripada 100 orang peserta dari kalangan para pelajar, alumni dan juga orang awam.




Pek larian merupakan baju-T eksklusif 50th Masscom dan medal penamat.

Dikala pandemik melanda adalah penting untuk meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan fizikal seseorang. Aktiviti larian secara maya membolehkan peserta melakukan aktiviti sihat dan bebas menamatkan larian mereka dengan selamat dimana mana sahaja lokasi mereka berada melalui inovasi dan teknologi yang ada pada hari ini telah membolehkan peserta berhubung dan menggalakkan antara satu sama lain untuk terus bergerak dan kekal sihat. Larian maya 'MassComm Golden Jubilee 5KM Virtual Run' ini bertujuan membudayakan gaya hidup sihat dan aktif dikalangan peserta disamping menanam dan menyemarakkan semangat 'MassCommers' dalam kalangan pelajar, staf dan alumni FKPM itu sendiri selain dapat mempromosikan lagi FKPM UiTM kepada orang awam. Dalam masa yang sama, para alumni dapat mengimbuai kembali saat - saat sewaktu menuntut di fakulti dahulu.

Larian secara maya ini adalah kali pertama dianjurkan untuk meraikan Masscom yang ke- 50 tahun. Mendapat sambutan yang sangat baik daripada kalangan pelajar, alumni, orang awam dan aktiviti larian ini harus di teruskan sejajar dengan usaha kerajaan untuk memberi kesedaran kesihatan dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk kekal aktif dimana pandemik telah menjejaskan gaya hidup sihat seseorang. Semoga aktiviti sihat seperti ini dapat dikekalkan dan diteruskan pada masa hadapan.



Peserta menamatkan larian 'MassComm Golden Jubilee 5KM Virtual Run



Peserta merekod aktiviti larian 5KM menggunakan aplikasi pilihan masing- masing yang perlu